

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PELANCARAN KUTIPAN DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN TAHUN 1990
Lokasi : RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA
Tarikh : 30-07-1990

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya merasa amat gembira dan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya dapat saya melancarkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1990 ini. Bagi diri saya peristiwa ini memberi makna yang mendalam kerana saya sangat bersimpati dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia terutama kepada ahli- ahlinya yang telah hilang upaya, serta keluarga mereka yang kurang bernasib baik. Dalam hal ini, saya merasa yakin bahawa masyarakat di negara ini mempunyai perasaan yang sama terhadap bekas-bekas perajurit kita itu.

2. Sejarah telah membuktikan kepada kita semua bahawa perajurit-perajurit kita telah memberikan sumbangan yang amat berharga dalam mempertahankan kedaulatan negara. Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa pengorbanan mereka dalam beberapa peristiwa getir yang melanda negara kita telah memberi kesan yang mendalam dalam hati sanubari kita semua. Pendek kata, semangat keperwiraan yang telah mereka pamerkan akan menjadi satu legenda untuk diteladani oleh generasi kita dan generasi yang akan datang.

3. Di antara hasil perjuangan mereka yang amat berharga kepada rakyat negara ini ialah persetujuan damai Parti Komunis Malaya yang telah dimeteraikan pada akhir tahun lalu. Detik yang bersejarah ini telah menamatkan perang gerila yang telah berlarutan selama lebih 41 tahun. Ketika mengharungi peristiwa yang pahit itu, ramai di antara mereka telah gugur sebagai pahlawan negara dan ramai pula di antara mereka yang cacat hingga ke akhir hayat. Tidak kurang pula isteri dan anak-anak yang hilang tempat berteduh.

4. Sesungguhnya demi kedaulatan negara, perajurit- perajurit kita telah menggadai nyawa, mengorbankan jiwa dan raga. Namun begitu perjuangan mereka tidak tamat sekadar peristiwa yang telah saya sebutkan tadi. Tetapi sehingga ke saat inipun, perajurit-perajurit kita masih lagi terus berjuang demi untuk menegakkan kedaulatan negara serta mempertahankan prinsip-prinsip demokrasi sebagai lambang dan tunggak manifestasi segenap lapisan masyarakat yang cintakan keamanan.

5. Kegigihan mereka berjuang untuk kesejahteraan kita bersama harus menjadi inspirasi kepada kita semua untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat keluarga bahagia, mewujudkan masyarakat yang berharmoni dalam sebuah negara yang aman serta makmur.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Bagi memperingati pengorbanan yang telah disumbangkan oleh perajurit-perajurit kita, maka Persatuan Bekas Perajurit Malaysia menganjurkan kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan di seluruh negara. Tujuan kutipan derma ini adalah semata-mata untuk memberi bantuan kepada bekas-bekas perajurit kita serta tanggungan mereka. Memanglah menjadi kewajipan kita untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik terutama kepada mereka yang telah banyak menabur jasa.

7. Dalam konteks ini, membantu bekas-bekas perajurit bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia semata-mata. Masyarakat keseluruhannya juga mestilah bersama-sama memikul tanggungjawab ini. Jasa- jasa perajurit kita dalam mempertahankan maruah, kedaulatan dan kemerdekaan negara adalah disanjung tinggi. Pengorbanan mereka itu telah membolehkan kita semua hidup aman dan makmur. Kita seharusnya menginsafi akan hal ini dan sentiasa menghargai perjuangan yang telah disumbangkan oleh bekas-bekas perajurit.

8. Dalam kita menikmati segala kejayaan, keselesaan dan kesenangan hari ini, kita haruslah sedar atas segala kesukaran, pahit maung dan penderitaan yang dihadapi oleh perajurit-perajurit kita terutama mereka yang cacat dan hilang upaya bagi menempuh kehidupan hari ini. Kesedaran, keinsafan dan simpati semata-mata tidak akan dapat mengurangkan derita hidup perajurit-perajurit kita serta tanggungan mereka. Sebaliknya kita harus menunjukkan keupayaan yang lebih positif dengan memberi sumbangan ikhlas terhadap kempen Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan yang dianjurkan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Untuk tujuan ini sepanjang kempen tersebut berjalan, iaitu mulai dari 31hb Julai hingga 31hb Ogos 1990, Persatuan ini akan mengedarkan surat-surat rayuan kepada firma-firma dan dermawan-dermawan bagi mendapatkan sumbangan derma.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Pada tahun-tahun lepas, sambutan orang ramai terhadap Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan amatlah baik. Daripada jumlah kutipan yang besar pada tahun lalu, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia bukan sahaja dapat meneruskan aktiviti kebajikannya, tetapi juga telah dapat memperbaiki serta memperluaskan kegiatan membantu bekas-bekas perajurit menghadapi masalah-masalah sosio-ekonomi dalam usaha berjihad membasmi kemiskinan. Bukan itu sahaja Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah dapat menguruskan wang sumbangan ke arah usaha mengemaskan diri ke arah berdikari.

Segala derma yang telah disumbangkan sentiasa digunakan oleh Persatuan dengan sebaik-baiknya supaya ia terus berkembang dalam usaha memainkan peranan yang lebih dinamik untuk membela nasib bekas-bekas perajurit. Adalah menjadi harapan saya agar Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dapat mengkaji serta mengatur rancangan jangka panjang yang lebih berkesan untuk bekas-bekas perajurit serta keluarga dalam usaha membantu Kerajaan berjihad membasmi kemiskinan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Pada malam yang berbahagia ini, suka saya mengambil peluang untuk menyeru kepada firma-firma, ahli-ahli perniagaan, dermawan-dermawan dan orang ramai untuk tampil ke hadapan menghulurkan derma kepada Kempen Derma Rayuan Hari Pahlawan. Setiap derma yang dihulurkan adalah untuk tujuan murni.

11. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan adalah sentiasa dihargai. Mudah-mudahan berkat pertolongan daripada orang ramai, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia akan dapat akan dapat bergerak dengan lebih giat lagi dari semasa ke semasa untuk membantu bekas-bekas perajurit dan keluarga mereka. Sesungguhnya segala sumbangan ikhlas daripada para dermawan biar sekecil mana sekalipun, amatlah besar ertinya kepada bekas perajurit dan keluarga mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sebagai penutup, saya menaruh harapan bahawa tuan-tuan dan puan-puan sekalian akan turut memainkan peranan bukan sahaja bagi menjayakan kutipan derma ini, tetapi juga turut menginsafi perjuangan perajurit-perajurit kita yang disayangi.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.